KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

MOMENTUM PEMULIHAN TFST TERUS KUKUH: KPKT TEKAD REALISASI SASARAN SIFAR PROJEK TERBENGKALAI MENJELANG 2030

PUTRAJAYA, 22 MEI 2026 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu hari ini mempengerusikan **Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 3 Tahun 2026**. Mesyuarat tersebut memberi penekanan khusus kepada penilaian pencapaian pemulihan projek serta pengukuhan strategi intervensi bagi menangani projek perumahan swasta bermasalah di seluruh negara.

Sejak penubuhannya pada tahun 2023, TFST telah berjaya memulihkan sebanyak **1,576 projek perumahan swasta** yang melibatkan **185,525 unit rumah,** dengan **anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM148.21 bilion**. Daripada jumlah tersebut:

- **131 projek berjaya dipulihkan daripada status 'Sakit' kepada 'Lancar';**
- **1,410 projek 'Sakit' telah disiapkan sepenuhnya sehingga memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)**; dan
- **35 projek 'Terbengkalai' telah berjaya dipulihkan**, sama ada melalui penyiapan fizikal projek mahupun menerusi pelan penyelesaian pembeli.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut memaklumkan bahawa **setakat 30 April 2026**, statistik projek perumahan swasta bagi kategori 'Lewat' dan 'Sakit' di Semenanjung Malaysia menunjukkan **trend penurunan** berbanding bulan Mac lalu. Kini, sebanyak **130 projek berstatus 'Lewat' dan 302 projek berstatus 'Sakit'** direkodkan. Sementara itu, hanya satu (1) sahaja projek baharu berstatus 'Terbengkalai' dicatatkan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 100 projek. Perkembangan positif ini membuktikan bahawa pendekatan proaktif dan bersepadu yang diambil mula membuahkan hasil yang lebih teratur serta berfokus.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah menegaskan, “KPKT tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang mengabaikan hak pembeli. Fokus kita bukan sekadar memulihkan struktur fizikal, tetapi mengembalikan impian dan kebajikan rakyat yang telah lama terjejas akibat isu projek sakit ini.”

Bagi memastikan pemantauan dilaksanakan secara dinamik dan berkesan, KPKT terus memperkukuh pendekatan turun padang. Sehingga April 2026, sebanyak 22 lawatan tapak melibatkan projek berstatus ‘Lewat’ dan ‘Sakit’ telah dilaksanakan untuk tujuan pemantauan rapi serta intervensi segera di lapangan. Hasilnya, 11 daripada projek yang dilawati tersebut telah berjaya memperoleh CCC.

Kejayaan ini merupakan manifestasi kerjasama erat antara pasukan TFST, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta syarikat penyedia utiliti. Pasukan TFST akan terus memantau setiap projek bermasalah secara teliti bagi memastikan **pelan pemulihan berjalan lancar, selaras dengan matlamat kementerian ke arah sifar projek terbengkalai.**

KPKT menerusi TFST kekal komited bertindak sebagai medium penyelesaian utama melalui strategi intervensi yang praktikal. Demi mengekalkan momentum positif ini, KPKT bertekad untuk melandaikan statistik pemajuan bermasalah secara berfasa, sekali gus merealisasikan **sasaran sifar projek terbengkalai menjelang tahun 2030**. Kerangka pemantauan akan terus diperkasakan seiring dengan intervensi awal yang bersasar demi menjamin mutlak dan melindungi hak pembeli rumah di negara ini.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT